



SIARAN AKHBAR

**Forum Antarabangsa Mengenai Dialog di Antara Budaya
(World Forum on Intercultural Dialogue)
Baku, Republik Azerbaijan
7-9 April 2011**

Forum Antarabangsa Mengenai Dialog Di Antara Budaya (*World Forum on Intercultural Dialogue*) telah diadakan pada 7-9 April 2011 di Baku, Republik Azerbaijan. Forum yang julung-julung kali diadakan itu di ketuai oleh Yang Mulia Datin Hajah Adina binti Othman, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Turut menyertai delegasi Negara Brunei Darussalam ke Forum tersebut ialah dua orang pegawai kanan dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Forum yang bertemakan “Bersatu Menerusi Nilai yang Sama, diperkayakan dengan Kepelbagaian Budaya” (*United Through Common Values, Enriched by Cultural Diversity*) dibuka rasmi oleh Tuan Yang Terutama Mr. Ilham Aliyev, Presiden Republik Azerbaijan. Forum tersebut dihadiri oleh seramai lebih kurang 500 orang peserta dari seluruh dunia yang terdiri dari Menteri-Menteri Kebudayaan dan Warisan negara masing-masing, ketua-ketua pertubuhan antarabangsa yang berkaitan dengan kebudayaan dan warisan, perwakilan dari pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak media antarabangsa.

Forum dibahagikan kepada beberapa sessi perbincangan dan bengkel yang berasingan dan disertai oleh beberapa ahli panel dari pelbagai jurusan yang berkaitan dari seluruh dunia. Pada hari pertama, Forum telah membincangkan mengenai *Intercultural Understanding and Cultural Diversity to Achieve Peace and Development* diikuti dengan sessi *Making Dialogue Meaningful: Culture, Arts and Heritage*. Pada hari kedua Forum telah membincangkan mengenai *Women as Key Agents of Intercultural Dialogue*.

Dalam sessi-sessi berkenaan Forum antaralain membincangkan beberapa isu dan cara-cara untuk :

- Membina rasa hormat dan persefahaman antara budaya dan untuk menguatkan lagi kesederhanaan serta perdamaian dalam mengurangkan ketegangan budaya di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain;
- Memberikan ruang bagi budaya, warisan budaya dan kesenian untuk dapat dipergunakan melalui proses merealisasikan dialog dan kerjasama budaya bagi persediaan cadangan tindakan praktikal seterusnya;
- Menggalakkan kerjasama dan rasa saling hormat dalam kalangan negara-negara, organisasi dan kumpulan sasaran yang menyertai Forum tersebut; dan
- Menyediakan peluang bagi peserta-peserta Forum untuk menjalin hubungan, membentuk rakan kongsi dan rangkaian kerjasama serta perkongsian amalan terbaik yang akan dapat dipergunakan bagi dialog budaya seterusnya.

Peserta-peserta Forum juga berbincang dan bertukar fikiran mengenai cara-cara untuk mengatasi penghalang dalam dialog dan untuk menghadapi secara bersua muka bagaimana dialog akan dapat dilaksanakan dalam konteks kepelbagaian budaya masa kini. Forum juga memberi kesempatan bagi peserta-peserta untuk berkongsi amalan terbaik (*best practices*) dan untuk melancarkan inisiatif-inisiatif yang baru di masa yang terdekat.

Ketua delegasi Negara Brunei Darussalam, Yang Mulia Datin Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga berkesempatan untuk diperkenalkan dan seterusnya bertukar-tukar fikiran mengenai isu-isu berkaitan bersama Puan Yang Terutama Mrs. Mehriban Aliyeva, Wanita Pertama Republik Azerbaijan dan isteri kepada Presiden Republik Azerbaijan.

Disamping mengikuti Forum, delegasi Brunei juga berpeluang menyaksikan persembahan seni budaya negara tersebut dan juga melawat tempat-tempat bersejarah seperti Memorial sites, Old City, Historical Muzium dan sebagainya.



Yang Datin Hajah Adina binti Othman bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menghadiri Forum Antarabangsa Mengenai Dialog di Antara Budaya yang diadakan di Baku, Republic of Azerbaijan on 7-9 April 2011.

**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Negara Brunei Darussalam
11 April 2011**